

Nama : _____

Tarikh : _____

SULIT

011

011
Bahasa
Melayu
LTS 2005
Set 1
50 minit



JABATAN PELAJARAN PERAK
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

MODUL LEARNING TO SCORE UPSR 2005

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Lima puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan. Jawab **semua** soalan.*
2. *Jawab dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan.*
3. *Bagi setiap soalan, hitamkan **satu** ruangan sahaja.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian **hitamkan** jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

Tiap-tiap soalan diikuti oleh tiga pilihan jawapan A, B dan C atau empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Antaranya, ada satu jawapan sahaja yang betul. Pilih jawapan yang betul itu. Kemudian, tandakan jawapan kamu dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan.

Soalan 1 hingga Soalan 19

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar 1



Gambar 1

1. Zazilee membeli _____ di warung Mak Cik Zainab pada petang itu.
- A daun pisang
 - B pokok pisang
 - C pisang goreng
 - D goreng pisang

Soalan 2 berdasarkan gambar 2




Gambar 2

2. "Sudahkah _____ menyiapkan kerja yang saya beri?" tanya Cikgu Yunus.
- A kita
 - B kami
 - C kamu
 - D mereka

3. Siapa-siapa yang boleh mengubati Puteri Intan Baiduri, _____ diminta mengadap baginda sultan di istana.

- A hamba
- B kalian
- C patik
- D beta

Soalan 4 berdasarkan gambar 3



Gambar 3

4. Dua orang _____ dari negara Rusia berjaya mendarat di bulan malam tadi.
- A jelitawan
 - B usahawan
 - C dermawan
 - D angkasawan

Soalan 5 berdasarkan gambar 4



Gambar 4

- 5 Beberapa _____ telur ayam kampung yang dijinjing Noraini pecah apabila dia terjatuh ke dalam longkang.
- A biji
 - B ulas
 - C buah
 - D longgok

6 Bangunan-bangunan lama peninggalan British di pekan itu dibaiki _____ dikekalkan sebagai khazanah _____ generasi akan datang.

- A lalu ... untuk
- B serta ... untuk
- C dan ... kepada
- D untuk ... kepada

Soalan 7 berdasarkan gambar 5



Gambar 5

- 7 Pemain bola sepak itu terpaksa diusung keluar dari padang kerana kakinya _____.
- A kaku
 - B keras
 - C kejang
 - D tegang

8 Wajah perempuan tua itu menjadi _____ setelah mengetahui anaknya terselamat dalam tragedi tanah runtuh di Gua Tempurung.

- A manis
- B ceria
- C riang

Soalan 9 berdasarkan gambar 6



Gambar 6

- 9 Puan Jasni menggunakan _____ pisau khas untuk mengukir beberapa _____ bawang besar untuk dijadikan hiasan makanan.
- A sebilah ... ulas
 - B sebatang ... biji
 - C sepucuk ... ulas

Soalan 10 berdasarkan gambar 7



Gambar 7

- 10 Nordin begitu _____ memancing hingga tidak sedar hari sudah senja.
- A leka
 - B khayal
 - C khusyuk


11 Semua pasukan Palang Merah Malaysia berada _____ Banda Aceh _____ membantu mangsa-mangsa Tsunami.

- A di ... agar
- B ke ... lalu
- C di ... untuk
- D ke ... untuk

12 Penjual ikan di pasar borong _____ beberapa baldi air bersih ke lantai simen yang kotor itu.

- A menimba
- B menuang
- C menyiram
- D menyimbah

Soalan 13 berdasarkan gambar 8



Gambar 8

- 13 Amiruddin hendak membawa kotak yang besar itu ke pusat _____ sampah yang terletak tidak jauh dari pejabatnya.
- A terlupus
 - B pelupusan
 - C melupuskan


Soalan 14 berdasarkan gambar 9



Gambar 9

- 14 Muhammad Fakrulrazi telah _____ semua harta peninggalan bapanya kerana dia anak tunggal.
- A mewaris
 - B mewarisi
 - C mewariskan
 - D berwariskan

Soalan 15 berdasarkan gambar 10




Gambar 10

- 15 Kakak duduk di _____ ibu ketika menonton televisyen pada petang itu.
- A sisi
 - B atas
 - C bawah
 - D tengah

16 Gusinya menjadi _____ setelah disuntik ubat pelali.

- A kaku
- B kasar
- C keras
- D kebas


Soalan 17 berdasarkan gambar 11



Gambar 11

- 17 Lampu itu terletak di atas _____ di hadapan rumah Pak Cik Malek.
- A jejari
 - B sesiku
 - C kekuda
 - D bebatang

Soalan 18 berdasarkan gambar 12



Gambar 12

- 18 Setelah lama duduk bersila Nenek Semah pun _____
- A berdiri
 - B berlunjur
 - C bersimpuh
 - D bertenggong

Soalan 19 berdasarkan gambar 13



Gambar 13

19 Air kopi panas itu _____ di seluar adik.

- A tergolek
- B terbaring
- C tertumpah
- D terhempas

Soalan 20

Pilih perkataan seerti bagi perkataan yang bergaris.

20 Ayah termangu apabila melihat anak-anak padinya dimakan burung.

- A terkejut
- B terduduk
- C termarah
- D termenung

Soalan 21

Pilih perkataan berlawanan bagi perkataan yang bergaris.


21 “Walaupun telah setengah jam direbus, ubi kayu itu masih belum empuk,” kata Kakak Dina kepada adik-adiknya.

- A liat
- B keras
- C kasar
- D garing

Soalan 22 dan Soalan 23

Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

Soalan 22 berdasarkan gambar 14




Gambar 14

22 Shamsul Effendi terpaksa membuka _____ apabila dia dikejar oleh seekor anjing.

- A suka hati
- B gelap mata
- C serkap jarang
- D langkah seribu

Soalan 23 berdasarkan gambar 15



Gambar 15

23 Pekerja yang selalu _____ itu, telah diberi amaran oleh majikannya.

- A curi tulang
- B putih tulang
- C keras tulang
- D ringan tulang

Soalan 24

Pilih ayat tanya yang betul bagi jawapan yang diberikan.

24 Kemalangan di jalan raya dapat dielakkan jika semua pengguna bersabar, bertimbang rasa, dan mematuhi peraturan.

- A Mengapakah kita mesti bersabar dan mematuhi peraturan jalan raya?
- B Adakah kemalangan di jalan raya dapat dielakkan dan bagaimanakah caranya?
- C Apakah yang akan terjadi jika kita bersabar dan mematuhi peraturan jalan raya?
- D Bagaimanakah caranya untuk mengelakkan berlakunya kemalangan di jalan raya?

Soalan 25

Pilih jawapan yang betul bagi ayat tanya yang diberikan.

25 Sudahkah kamu memulangkan buku cerita yang kamu pinjam di pusat sumber kelmarin?

- A Nantilah. Saya akan memulangkan buku cerita itu.
- B Alamak, saya lupa di mana buku cerita itu saya simpan!
- C Sudah tentu saya akan memulangkan buku cerita itu nanti.
- D Belum. Saya baru membaca tiga perempat daripada buku cerita itu.

Soalan 26

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

26 Penerokaan hutan secara berleluasa akan menyebabkan kepupusan hutan dan bumi kekurangan kawasan tadahan hujan.

- A Bumi akan berlebihan hujan sekiranya aktiviti penerokaan hutan dijalankan secara berleluasa.
- B Hutan akan pupus, manakala bumi akan kekurangan kawasan tadahan hujan jika hutan diteroka secara berleluasa.
- C Aktiviti penerokaan hutan yang dijalankan secara berleluasa boleh menyebabkan kepupusan dan mengurangkan hujan.
- D Bumi tidak akan kekurangan kawasan tadahan hujan walaupun aktiviti penerokaan hutan dijalankan secara berleluasa.

Soalan 27 dan Soalan 28

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 27
- I Para pesawah memetik hasil padi mereka dengan gembira.
 - II Jeremy turut memetik kata-kata Sasterawan Negara yang terkenal itu.
 - III Arisa memetik kecapi sambil menyanyikan lagu “Budi Bahasa Amalan Kita”.
 - IV Raymond memetik minatnya dalam seni lukis semenjak dia di bangku sekolah.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 28
- I Pemberontakan itu kian melarat ke daerah-daerah lain.
 - II Dia melarat melihat mangsa penderaan itu dibawa ke hospital.
 - III Penyakit kulit di mukanya semakin melarat kerana tidak dirawat segera.
 - IV Pendidikan yang sempurna mengelakkan manusia daripada hidup melarat.
- A I dan II sahaja
B I dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D I, III dan IV sahaja

Soalan 29 dan Soalan 30

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 29
- I Emak menghidangkan goreng cempedak kepada tetamu petang tadi.
 - II Pokok bunga kenanga di tepi pagar itu saya siram pada setiap pagi dan petang.
 - III Kami duduk di tepi pantai beralaskan kertas surat khabar yang dibawa dari rumah.
 - IV Semua perjalanan-perjalanan kereta api ke utara ditangguhkan akibat tanah runtuh.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 30
- I Masalah itu perlulah kamu tangani secepat mungkin.
 - II Bas ekspres itu terbabas lalu melanggar pembahagi jalan.
 - III Adam mempersoalkan keputusan Zahid yang enggan berpindah.
 - IV Syafinas belajar bersungguh-sungguh demi untuk mencapai cita-citanya.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 31 hingga Soalan 35

Baca petikan di bawah dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

TELUK INTAN, 17 Februari – Azman bin Haji Adnan murid Tahun Enam Merah, Sekolah Kebangsaan Tun Abdul Razak, ibarat permata yang berharga kepada sekolah dan gurugurunya. Hal ini kerana dia bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah turut memiliki pelbagai bakat yang terpendam. Azman aktif berpersatuan dan sering mendapat tempat pertama dalam peperiksaan. Dia mula mewakili sekolah dalam pelbagai pertandingan sejak tahun satu lagi.

Antara kejayaan yang dicapainya, menjadi johan Pertandingan Bercerita Bahasa Melayu Peringkat Daerah Hilir Perak dan Peringkat Negeri. Dia juga mendapat tempat pertama dalam Pertandingan Mereka Cipta peringkat negeri dan menjadi johan dalam Pertandingan Catur peringkat daerah. Azman juga dipilih menjadi ketua kumpulan “Choral Speaking” yang berjaya mendapat tempat kedua dalam pertandingan peringkat negeri.

Bukan itu sahaja, Azman juga berbakat dalam bidang seni. Dia mahir dalam tarian tradisional Melayu dan bermain piano. Bakatnya terserlah dalam persembahan sempena Hari Anugerah Cemerlang di sekolahnya tahun lalu. Sikapnya yang peramah dan periang disenangi seluruh warga sekolah. Walaupun sibuk, dia juga masih mempunyai masa untuk melakukan dua lagi aktiviti kegemarannya, bermain tenis dan berenang. Azman bercita-cita menjadi seorang juruterbang yang berjaya.

- 31** Mengapakah Azman bin Haji Adnan diibarat sebagai permata berharga di sekolahnya?
- A** Mendapat tempat pertama dalam peperiksaan akhir tahun.
 - B** Cemerlang dalam bidang kurikulum dan kokurikulum.
 - C** Mewakili sekolah dalam pelbagai pertandingan.
 - D** Cemerlang dalam kejohanan olahraga.
- 32** Apakah bidang yang paling diminati Azman?
- A** Seni
 - B** Muzik
 - C** Sains
 - D** Sukan
- 33** Berikut merupakan kejayaan yang pernah dicapai oleh Azman, **kecuali**
- A** Tempat kedua pertandingan catur.
 - B** Johan pertandingan bercerita peringkat daerah dan negeri.
 - C** Johan pertandingan mereka cipta bahan sains peringkat negeri.
 - D** Tempat kedua dalam pertandingan ‘Choral Speaking’ peringkat negeri.

- 34 Mengapakah Azman disenangi oleh guru-guru dan kawan-kawannya?
- A Mahir dalam tarian tradisional Melayu .
 - B Pandai bergaul dan cepat mesra.
 - C Terserlah dalam bidang sukan.
 - D Pandai bermain piano.
- 35 Untuk menjadi pelajar yang cemerlang, apakah perkara utama perlu diberi perhatian?
- A Bijak membahagikan masa.
 - B Aktif dalam semua kegiatan.
 - C Berlatih dengan bersungguh-sungguh.
 - D Mengambil bahagian dalam semua pertandingan.

Soalan 36 hingga Soalan 40

Baca petikan di bawah dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Ayah
Dirimu ayah
Kusanjung tinggi
Jasamu terperi

Ayah
Dari fajar menyingsing
Hingga senja mewarnai langit
Keringatmu **bercucuran**
Melangkah, menghayunkan tenaga
Dengan tulang empat keratmu
Kau usahakan **tanah sekangkang kera**

Ayah
Peluhmu bagaikan titisan nafas kami
Tenagamu mengisi perut kami
Walau merah urat matamu
Walau leleh seluruh tubuhmu
Kau tersenyum puas
Melihat kami, anakmu
Riang dan sihat sejahtera.

- 36 Penulis menyanjung tinggi ayahnya kerana
- A jasa ayahnya
 - B sikap ayahnya
 - C ayahnya tinggi
 - D ayahnya penyayang

- 37 Apakah pekerjaan bapa penulis?
- A Nelayan
 - B Doktor
 - C Kerani
 - D Petani
- 38 Tanah **seangkang nera** dalam puisi di atas bermaksud
- A kawasan tanah yang tidak luas
 - B kawasan tanah yang sangat luas
 - C tanah yang sekecil kangkang nera
 - D tanah yang sebesar kangkang nera
- 39 Ayah penulis tersenyum puas kerana anak-anaknya
- A riang dan sihat
 - B gembira
 - C berjaya
- 40 Frasa **keringatmu bercucuran** dalam rangkap kedua bermaksud
- A air keluar seperti hujan
 - B air yang keluar dengan sedikit
 - C peluh yang keluar dengan lebat
 - D peluh yang keluar dengan banyak

- KERTAS SOALAN TAMAT -